

PERBANDINGAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN *IHDAD* KE ATAS WANITA ISLAM BEKERJAYA: SATU SOROTAN LITERATUR

MUHAMMAD YUSRI ZULKEFLI

GRA/Calon Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-undang

Universiti Islam Selangor

24mt21001@student.uis.edu.my

NORITA KAMARUDDIN

NORAZLA ABDUL WAHAB

ZANARIAH DIMON

SURIANOM MISKAM

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Universiti Islam Selangor

norita@uis.edu.my, norazla@uis.edu.my, zanariah@uis.edu.my, surianom@uis.edu.my

SYH NOORUL MADIHAH SYED HUSIN

Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu

madihah@unisza.edu.my

ABSTRAK

Tuntutan dalam mematuhi *ihdad* telah diperjelaskan dalam al-Quran dan Hadith dan tuntutan berihdad ini juga terpakai ke atas wanita Islam yang bekerja. Wanita Islam yang bekerja adalah terikat dengan undang-undang sedia ada yang mengawal selia hal ehwal berkaitan pekerja dan pekerjaan. Tidak semua undang-undang pekerja yang wujud selari ataupun memenuhi tuntutan hukum syarak agama. Syariat Islam menetapkan beberapa sekatan dan larangan khusus terhadap isteri yang kematian suami sepanjang tempoh beriddah seperti dilarang keluar rumah sepanjang tempoh 4 bulan 10 hari kecuali atas sebab-sebab tertentu yang dibenarkan syarak. Wanita berihdad juga tidak boleh berhias, memakai wangian dan memakai pakaian yang berwarna terang dan menonjol. Justeru, wanita Islam bekerja yang kematian suami seringkali menghadapi masalah untuk melaksanakan tuntutan *ihdad* dengan sempurna kerana terpaksa memenuhi tuntutan majikan dan melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang pekerja. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti undang-undang dan garis panduan berkaitan *ihdad* yang dikenakan ke atas wanita Islam di beberapa negara, dan bagaimana ia mempengaruhi wanita bekerja. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti perbandingan dalam pelaksanaan *ihdad* di antara negara-negara tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis dokumen seperti artikel-artikel akademik, dokumen perundangan, pekeliling dan garis panduan daripada badan-badan serta autoriti-autoriti tempatan dan luar negara. Hasil kajian mendapat terdapat beberapa buah negara yang sememangnya memberikan peruntukan cuti *ihdad* 4 bulan 10 hari kepada wanita Islam bekerja yang kematian suami manakala di beberapa buah negara lagi mempunyai pendekatan yang pelbagai dalam undang-undang berkaitan *ihdad*.

Kata kunci: Undang-undang berkaitan *ihdad*, wanita Islam bekerja.

PENGENALAN

Ihdad adalah satu perkataan bahasa Arab yang bermaksud penahanan atau keengganan. Selain daripada perkataan ini, perkataan *hidat* juga sering digunakan untuk menjelaskan pengertian

yang sama iaitu pakaian yang dipakai oleh seseorang yang sedang berduakacita bagi melambangkan kesedihannya (Ibrahim Anis, Abd at-Halim Muntasir, Atiyyah al-Walihiy & Muhammad Khalf Allah Ahmad I972). Dari segi istilah, *ihdad* ialah satu penegahan syarak terhadap wanita yang kematian suami daripada sebarang perhiasan diri dan perkara yang seumpama dengannya, yang boleh membawa kepada keinginan seseorang lelaki ajnabi untuk melamarnya sebagai isteri dalam tempoh dan keadaan tertentu (Al-Nawawi 1992). Syeikh Sayyid Sabiq (1988) juga memberikan definisi yang sama tentang *ihdad*. Menurutnya, *ihdad* adalah meninggalkan bersolek seperti memakai perhiasan, pakaian sutera, wangi-wangian, dan celak mata. Menurut Sayyid Sabiq diwajibkan atas seorang isteri yang ditinggal mati suaminya selama masa *iddah* dengan maksud untuk menunjukkan kesetiaan dan menjaga hak-hak suami. Tempoh *ihdad* adalah selama 4 bulan dan 10 hari seprtimana yang telah disyariatkan melalui firman Allah S.W.T:

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّونَ مِنْكُمْ وَيَدْرُونَ أَرْوَاحًا يَتَرَبَّصُنَّ بِأَنفُسِهِنَّ أَرْبَعَةً أَشْهُرٌ وَعَشْرًا فَإِذَا بَلَغُنَّ أَجَلَهُنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا فَعَلْنَ فِي أَنفُسِهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

(Surah al-Baqarah ayat 234)

Maksudnya: Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (beridah) selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis masa idahnya itu maka tidak ada salahnya bagi kamu mengenai apa yang dilakukan mereka pada dirinya menurut cara yang baik (yang diluluskan oleh Syarak). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa jua yang kamu lakukan.

Berdasarkan ayat di atas, tuntutan *ihdad* adalah jelas ke atas semua wanita Islam yang kematian suami. Walau bagaimanapun, bagi wanita Islam bekerjaya yang kematian suami mereka sering menghadapi pelbagai masalah untuk melaksanakan tuntutan *ihdad* dengan sempurna kerana terpaksa memenuhi tuntutan majikan dan melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang pekerja. Mereka terpaksa keluar bekerja kerana mereka terikat dengan undang-undang sedia ada yang mengawal selia hal ehwal berkaitan pekerja dan pekerjaan. Perkara ini merupakan satu masalah buat wanita Islam bekerjaya yang kematian suami apabila kadangkala tuntutan kerja dilihat bercanggah dengan tuntutan *ihdad* sekali gus tidak mencapai hikmah pensyariatan *ihdad* yang bertujuan untuk menjaga hak-hak suami yang meninggal. Sebagai contoh, seorang jururawat atau pramugari mempunyai kesukaran untuk mematuhi larangan untuk tidak memakai pakaian berwarna-warni apabila terpaksa memakai pakaian seragam serta mengenakan alat solek dan perhiasan. Hal ini disebabkan tiada undang-undang berkaitan *ihdad* yang mampu mengawal selia amalan mematuhi *ihdad* bagi wanita Islam bekerjaya. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk meneliti undang-undang berkaitan *ihdad* yang dikenakan ke atas wanita Islam di beberapa negara serta membuat perbandingan dalam pelaksanaan *ihdad* di antara negara-negara tersebut.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan kajian perpustakaan yang mana proses pengumpulan data kajian ini melibatkan pengumpulan data analisis dokumen seperti artikel-artikel akademik, dokumen perundangan, pekeliling dan garis panduan daripada badan-badan serta autoriti-autoriti tempatan dan luar negara serta lain-lain yang berkaitan dengan ruang lingkup kajian ini.

PERBINCANGAN

Undang-undang Berkaitan *Ihdad* di Malaysia

Fatwa berkaitan Ihdad ke atas Wanita Islam Bekerjaya di Malaysia

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan telah menerangkan secara terperinci berkenaan panduan *iddah* dan *ihdad* serta hukum berhias diri ketika dalam *iddah* (Bayan Linnas Siri Ke-268, 2023) dan hukum berhias bagi wanita yang bekerja ketika dalam *iddah* kematian suami (Al-Kafi 1877, 2022). Wanita kematian suami adalah dibolehkan untuk keluar bekerja mencari rezeki namun masih terbatas ke atas larangan-larangan tertentu.

Pejabat Mufti Negeri Sembilan pernah memperincikan mengenai batasan hukum semasa dalam tempoh *iddah* kematian suami dengan mengatakan bahawa tidak dibenarkan keluar rumah termasuk bermusafir, kecuali dalam had dan batas yang diperlukan sahaja. Antara keperluan penting yang membolehkan keluar rumah ialah bekerja, mendapatkan rawatan perubatan, membeli barang-barang keperluan asasi (sekiranya tidak ada ahli keluarga atau orang lain yang amanah boleh melakukannya) dan keperluan-keperluan lain yang penting dan mendesak, dengan syarat mereka dapat menjaga peraturan dan adab-adab seperti yang disyariatkan Islam. Keharusan untuk keluar rumah ini juga tertakluk pada waktu siang dan tidak pada waktu malam. Namun, pengecualian diberikan kepada individu yang tidak mempunyai pilihan dan perlu bekerja pada waktu malam seperti doktor, jururawat dan sebagainya. Bagi larangan bermusafir, ia termasuk larangan untuk menunaikan ibadah fardhu haji dan umrah. (Pejabat Mufti Negeri Sembilan, Munakahat, 2021).

Pejabat Mufti Selangor pula mengatakan bahawa wanita kematian suami dibolehkan keluar rumah dalam tempoh *iddah* sekadar keperluan sahaja seperti bekerja untuk menyara kehidupan bagi diri atau tanggungannya. Apabila hajat telah dipenuhi, wanita tersebut hendaklah segera pulang ke rumah dan keluar dalam had dan batas yang diperlukan sahaja. Bagi wanita kematian suami ini juga wajib menjaga batas hukum, peraturan dan adab-adab seperti yang disyariatkan dalam Islam sepanjang berada dalam tempoh *iddah* ini dengan menjauhi segala perkara yang boleh mendorong keinginan para lelaki untuk mengahwini wanita tersebut seperti pakaian yang boleh menarik perhatian, perhiasan, wangian, solekan dan sebagainya. (Taudhih al-Hukmi, 2023).

Walaupun begitu, penjelasan hukum dan keadaan di atas tidaklah disifatkan sebagai satu fatwa rasmi yang telah diwartakan. Oleh itu, pendapat-pendapat mufti di atas hanyalah bertindak sebagai panduan semata-mata dan tidaklah menjadi satu undang-undang yang mengikat wanita Islam di Malaysia. Justeru, masih tiada undang-undang berkaitan *ihdad* yang diperuntukkan dalam bidang kuasa undang-undang Islam tempatan.

Polisi Dan Pekeliling Kerajaan Berkaitan Ihdad Di Malaysia

Di peringkat Persekutuan, tiada undang-undang yang secara jelas diperuntukkan menyebut secara jelas berkaitan *ihdad*. Malah perkataan *ihdad* tidak pernah disebut dalam mana-mana pekeliling kerajaan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam. Tempoh *ihdad* bagi wanita Islam kematian suami adalah selama 4 bulan 10 hari. Walau bagaimanapun, penjawat awam wanita yang kematian suami diberikan cuti tanpa rekod selama 3 hari. Kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi urusan kematian ahli keluarga terdekat diperuntukkan kepada pegawai Perkhidmatan Awam untuk menziarahi jenazah dan membantu urusan berkaitan dengan kematian ahli keluarga terdekat yang dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2002 (PP Bil. 10/2002). Mengikut PP Bil. 10/2002, ahli keluarga terdekat terdiri daripada suami atau isteri, anak-anak serta ibu dan bapa kandung kepada pegawai berkenaan. Kerajaan kemudiannya telah menambah baik pelaksanaan kemudahan Cuti Tanpa Rekod tersebut dengan memperluas kemudahan ini kepada urusan kematian ibu dan bapa mentua, ibu dan bapa angkat yang sah di sisi undang-undang serta anak angkat (termasuk anak angkat *de facto* dan anak pelihara) yang sah di sisi undang-undang melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2015. Oleh itu, cuti ini sebenarnya bukanlah merupakan satu cuti bagi maksud *ihdad* dan tidak dikhususkan sahaja untuk pegawai wanita Islam yang kematian suami tetapi ianya adalah cuti ihsan untuk semua kakitangan awam yang kematian ahli keluarga terdekat tidak kira jantina dan agama.

Dalam perkembangan terkini, kerajaan telah memperkenalkan inisiatif kemudahan untuk bekerja dari rumah (BDR) melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian S.R. 4.1.2 berkaitan Dasar Bekerja Dari Rumah yang membenarkan mereka bekerja dari rumah sebaik sahaja tempoh tiga (3) hari Cuti Tanpa Rekod (CTR) tersebut sehingga dua minggu termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am kepada pegawai yang kematian suami atau isteri. Dasar ini bertujuan untuk menjamin kebajikan pegawai yang kematian pasangan.

Di peringkat negeri pula setakat ini, terdapat tiga negeri yang mengambil inisiatif memberi cuti tambahan kepada kakitangan wanita yang kematian suami selama 30 hari iaitu Selangor, Kelantan dan Terengganu. Di bawah Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2009, seseorang anggota Perkhidmatan Awam boleh diberi kemudahan Cuti Tanpa Rekod selama tiga (3) hari atas kematian ahli keluarga terdekat sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2002 – Kemudahan Cuti Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat. Kemudahan ini dipanjangkan sehingga 30 hari kepada pegawai/guru wanita yang kematian suami, di mana tambahan cuti selama 27 hari tersebut adalah diberi secara opsyen dan bukannya automatik. Cuti ini hendaklah direkodkan di dalam Buku Rekod Perkhidmatan sebagai Cuti Tanpa Gaji dan tidak layak dikira sebagai perkhidmatan yang boleh dimasuk kira bagi faedah persaraan. Opsyen yang sama juga diberikan kepada penjawat awam negeri Kelantan dan

Terengganu masing-masing di bawah Pekeliling Perkhidmatan Negeri Kelantan Bilangan 5 tahun 2013 dan Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu Bilangan 5 Tahun 2019.

Namun, terdapat perbezaan dari segi kelayakan memohon cuti 30 hari kematian suami bagi ketiga-tiga negeri tersebut. Di Kelantan, ianya terbuka kepada semua kakitangan awam wanita sama ada lantikan kontrak ataupun tetap. Di Terengganu pula ianya terbuka kepada semua kakitangan wanita yang dilantik secara tetap di mana tempoh perkhidmatannya perlulah genap satu (1) tahun dalam perkhidmatan manakala Selangor tidak memperincikan syarat kelayakan. Walaupun cuti ini diperuntukkan untuk kakitangan wanita yang kematian suami, hanya Kelantan sahaja yang menjelaskan bahawa tujuan cuti tersebut adalah untuk mematuhi tuntutan beriddah seperti dalam perenggan 2.1.6 Pekeliling:

“Cuti ini hanya diberikan kepada kakitangan wanita yang ingin mematuhi kehendak beriddah mengikut hukum syarak, bukan mengambil kesempatan untuk bercuti atau melancong”

Bagi pekerja di sektor swasta pula, mereka tertakluk dengan undang-undang di bawah Akta Kerja 1955. Di bawah Akta tersebut, tiada undang-undang diperuntukkan berkenaan cuti *iddah* mahupun *ihdad*. Cuti yang diperuntukkan di bawah Akta Kerja 1955 hanyalah meliputi cuti rehat, cuti kelepasan am, cuti tahunan, cuti sakit, cuti bersalin dan cuti paterniti. Sebagai contoh, majikan perlu memperuntukkan cuti tahunan kepada pekerja sekurang-kurangnya sebanyak 8 hingga 16 hari manakala cuti sakit pula diperuntukkan daripada 14 hingga 22 hari bergantung kepada tempoh perkhidmatan. Malah, pindaan Akta Kerja 1955 yang dibuat pada tahun 2022 telah menaikkan tempoh cuti bersalin daripada 60 hari kepada 98 hari. Namun begitu, dalam Akta Kerja 1955, masih tiada cuti diperuntukkan untuk kematian ahli keluarga terdekat apakah lagi cuti *ihdad*.

Jenis cuti	Tempoh cuti
Cuti Tahunan	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Setiap 12 bulan perkhidmatan berterusan: <ul style="list-style-type: none"> ● 8 hari – jika bekerja kurang 2 tahun ● 12 hari – jika bekerja 2 tahun tetapi kurang 5 tahun ● 16 hari – jika bekerja 5 tahun dan lebih. <input type="checkbox"/> Kelayakan cuti tahunan tidak termasuk hari rehat dan cuti am berbayar.
Cuti Am	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> 11 hari cuti am berbayar setiap tahun kalendar. <input type="checkbox"/> 5 hari yang diwajibkan (tidak boleh diganti) <ul style="list-style-type: none"> ● Hari Kebangsaan; ● Hari Keputeraan YDP Agong ● Hari Keputeraan Raja-Raja / YDP Negeri /Hari Wilayah Persekutuan; ● Hari Pekerja; ● Hari Malaysia; <input type="checkbox"/> Cuti am tambahan yang diisyihar oleh Kerajaan Persekutuan.
Cuti Sakit	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Cuti sakit bagi setiap tahun kalendar selepas pemeriksaan doktor atas perbelanjaan majikan: <ul style="list-style-type: none"> ● 14 hari – jika bekerja kurang 2 tahun ● 18 hari - jika bekerja 2 tahun tetapi kurang 5 tahun ● 22 hari – jika bekerja 5 tahun dan lebih. ● Cuti sakit termasuk cuti sakit pergigian. <input type="checkbox"/> Hospitalisasi – 60 hari berterusan tidak termasuk cuti sakit. <input type="checkbox"/> Tidak berhak cuti sakit bergaji semasa menerima elauan bersalin dan pampasan hilang upaya akibat bencana kerja.

Cuti Paterniti	<input type="checkbox"/> 7 hari berturut-turut termasuk hari rehat dan cuti am <input type="checkbox"/> Maksimum 5 kelahiran anak tanpa mengira bilangan isteri (bermula tarikh kuatkuasa peruntukan ini). <input type="checkbox"/> Syarat-syarat: <ul style="list-style-type: none"> • Telah berkahwin secara sah • Telah bekerja sekurang-kurangnya 12 bulan dengan majikan yang sama. • Telah memaklumkan tentang kehamilan isteri sekurang-kurangnya 30 hari sebelum isteri dijangka bersalin atau seawal mungkin selepas kelahiran.
Cuti Bersalin	98 hari berterusan termasuk hari rehat dan hari kelepasan am. Sekurang-kurangnya 22 minggu hamil semasa melahirkan anak sama ada hidup atau mati.

Jadual 1: Cuti yang diperuntukkan dalam Akta Kerja 1955

Walaupun Akta Kerja 1955 tidak mewajibkan pemberian cuti ihsan, banyak syarikat yang memasukkan peruntukan ini ke dalam kontrak pekerjaan berdasarkan persetujuan bersama antara majikan dan pekerja. Meskipun tanpa dokumen yang jelas, majikan masih boleh memutuskan untuk memberikan cuti ihsan atas permintaan kakitangan. Malah, majikan juga boleh memberikan cuti selama 4 bulan 10 hari kepada kakitangan wanita Islam yang kematian suami untuk memenuhi tuntutan *ihdad* jika mahu. Namun begitu, memandangkan syarikat tidak diwajibkan untuk memberikan cuti ihsan oleh kerana tiada peruntukan mengenai cuti ihsan dalam Akta, mereka mempunyai hak untuk menafikannya.

Undang-undang berkaitan *Ihdad* di luar negara

Negara-negara luar selain Malaysia turut memberikan perhatian kepada kebaikan wanita yang kematian suami dalam menghadapi tempoh berihdad. Malah beberapa buah negara di timur tengah memperuntukkan cuti *iddah* dalam undang-undang bekerja negara. Sebagai contoh, di United Arab Emirates (UAE) di bawah *Article 56, Federal Decree Law No. 11 of 2008 On Human Resources in The Federal Government* memperuntukkan wanita Islam yang bekerja akan mendapat cuti *iddah* bergaji selama 4 bulan 10 hari dari tarikh kematian suami. Pekerja di sektor swasta layak mendapat cuti bergaji (*bereavement leave*) selama lima hari bagi wanita kematian suami berdasarkan ketetapan dalam *Federal Decree Law No. 33 of 2021 on the Regulation of Labour Relations in the Private Sector 'The UAE Labour Law'*.

Di Arab Saudi pula, di bawah Undang-undang Pekerja iaitu *Royal Decree No. M/51* bertarikh 27 September 2005 memperuntukkan di bawah *Article 160* bahawa seorang wanita Islam yang kematian suami akan mendapat cuti *iddah* bergaji selama 4 bulan 10 hari dari tarikh kematian suami. Jika wanita itu mengandung, cuti akan diberikan sehingga pekerja wanita tersebut selesai melahirkan anak. Malah, di bawah undang-undang yang sama, wanita bukan Islam yang kematian suami juga diberikan cuti bergaji selama 15 hari dengan syarat tidak boleh bekerja dengan pihak lain sepanjang waktu bercuti.

Di Kuwait, di bawah *Article 77, State of Kuwait New Labour Law No 6 of 2010* bertarikh 21 Februari 2010, wanita Islam bekerja yang kematian suami mendapat cuti *iddah* bergaji selama 4 bulan 10 hari manakala wanita bukan Islam yang bekerja dan kematian suami mendapat cuti bergaji selama 21 hari. Cuti *iddah* 4 bulan 10 hari juga diberikan oleh kerajaan Qatar kepada wanita Islam yang kematian suami di bawah *Article 77 Law No. (15) of 2016 Promulgating the*

Civil Human Resources Law dengan syarat wakil pekerja wanita tersebut mengemukakan dokumen kematian suaminya.

Di Bahrain di bawah *Article 63(c) Law No. 36 of 2012 Promulgating The Labour Law For The Private Sector*, wanita Islam yang bekerja dan kematian suami mendapat cuti bergaji selama sebulan dan dibenarkan untuk menggunakan baki cuti tahunan untuk menyambung baki tempoh *iddah* iaitu 3 bulan 10 hari. Jika pekerja itu sudah kehabisan baki cuti tahunan untuk digunakan, pekerja wanita yang kematian suami tersebut mempunyai pilihan untuk bercuti tanpa gaji sehingga tempoh *iddah* selesai. Di Oman pula di bawah *Article 67 Royal Decree No. 35/2003 Issuing The Labour Law* memperuntukkan cuti 130 hari bagi pekerja wanita Muslim yang kematian suami.

Di beberapa buah negara tidak memperuntukkan cuti *iddah* kematian suami secara spesifik tetapi memberikan cuti ihsan kematian ahli keluarga sahaja. Di Turki, tiada cuti *ihdad* diperuntukkan dalam undang-undang melainkan cuti ihsan 3 hari kepada kakitangan awam yang kematian ahli keluarga terdekat iaitu ibu, bapa, pasangan, adik-beradik serta anak-anak di bawah *Article 2 of Turkish Labor Law 4857*. Iran pula memperuntukkan cuti ihsan kematian ahli keluarga selama 3 hari di bawah *Section 73(b) Iranian Labor Code*. Di Iraq, di bawah *Article 82 Iraqi Labor Law 2015* memperuntukkan cuti ihsan 5 hari bagi pekerja yang kematian ibu, bapa, pasangan, adik-beradik, anak-anak dan juga salah seorang daripada mertua. Di Mesir dan Yaman tiada cuti *iddah* mahupun cuti kematian ahli keluarga diperuntukkan dalam undang-undang namun majikan oleh memberikan cuti sendiri atas budi bicara.

Manakala di Indonesia, mengikut Pasal 93 ayat (1) dan (2) Undang-Undang Ketenagakerjaan Nombor 13 Tahun 2003, hak cuti yang diberikan adalah 2 hari jika suami atau isteri atau anak atau menantu atau orang tua atau mertua pekerja itu meninggal dan 1 hari cuti jika salah seorang anggota keluarga dalam satu rumah selain yang disebutkan di atas meninggal dunia. Sementara di Brunei pula, berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 512010 Negara Brunei Darussalam, tiada peruntukan cuti khas diberikan bagi wanita kematian suami cuma ihsan dari ketua jabatan kelonggaran waktu bekerja pulang awal sebagaimana yang diperuntukkan dalam Para 8 tersebut.

Negara	Sumber Undang-undang	Cuti Diperuntukkan
United Arab Emirates (UAE)	<i>Article 56, Federal Decree Law No. 11 of 2008 On Human Resources in The Federal Government</i>	Cuti <i>iddah</i> bergaji selama 4 bulan 10 hari dari tarikh kematian suami.
Arab Saudi	<i>Article 120 Royal Decree No. M/51</i>	Cuti <i>iddah</i> bergaji selama 4 bulan 10 hari dari tarikh kematian suami. Jika wanita itu mengandung, cuti akan diberikan sehingga pekerja wanita tersebut selesai melahirkan anak.
Kuwait	<i>Article 77, State of Kuwait New Labour Law No 6 of 2010</i>	Cuti <i>iddah</i> bergaji selama 4 bulan 10 hari manakala wanita bukan Islam yang bekerja dan kematian suami mendapat cuti bergaji selama 21 hari.

Qatar	<i>Article 77 Law No. (15) of 2016 Promulgating the Civil Human Resources Law</i>	Cuti <i>iddah</i> 4 bulan 10 hari dengan syarat wakil pekerja wanita tersebut mengemukakan dokumen kematian suaminya.
Bahrain	<i>Article 63(c) Law No. 36 of 2012 Promulgating The Labour Law</i>	Cuti bergaji selama sebulan dan dibenarkan untuk menggunakan baki cuti tahunan untuk menyambung baki tempoh <i>iddah</i> iaitu 3 bulan 10 hari. Jika pekerja itu sudah kehabisan baki cuti tahunan untuk digunakan, pekerja tersebut mempunyai pilihan untuk bercuti tanpa gaji sehingga tempoh <i>iddah</i> selesai.
Oman	<i>Article 67 Royal Decree No. 35/2003 Issuing The Labour Law</i>	Cuti 130 hari bagi pekerja wanita Muslim yang kematian suami.
Iraq	<i>Article 82 Iraqi Labor Law 2015</i>	Cuti ihsan kematian keluarga lima (5) hari
Turki	<i>Article 2 of Turkish Labor Law 4857</i>	Cuti ihsan kematian keluarga tiga (3) hari
Iran	<i>Section 73(b) Iranian Labor Code</i>	Cuti ihsan kematian keluarga tiga (3) hari
Indonesia	<i>Pasal 93 ayat (1) dan (2) Undang-Undang Ketenagakerjaan Nombor 13 Tahun 2003</i>	Cuti dua (2) hari jika suami atau isteri atau anak atau menantu atau orang tua atau mertua pekerja itu meninggal dan satu (1) hari cuti jika salah seorang anggota keluarga dalam satu rumah selain yang disebutkan di atas meninggal dunia.
Brunei	<i>Para 8 Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 512010 Negara Brunei Darussalam</i>	Tiada peruntukan cuti cuma kelonggaran waktu bekerja pulang awal.

Jadual 2: Perbandingan undang-undang berkaitan *ihdad* di luar negara

KESIMPULAN

Berdasarkan kertas kerja ini penulis mendapati bahawa terdapat beberapa negara yang memperuntukkan cuti *iddah* penuh 4 bulan 10 hari kepada pekerja wanita yang kematian suami manakala di beberapa negara yang lain menggunakan pendekatan yang pelbagai dalam memberikan cuti *iddah*. Di beberapa buah negara pula, tiada cuti *iddah* diperuntukkan dan hanya diperuntukkan cuti ihsan kematian ahli keluarga yang umum manakala di beberapa buah negara lagi tiada cuti *iddah* mahupun cuti ihsan kematian pasangan diperuntukkan. Di Malaysia pula, di peringkat Persekutuan masih tiada cuti *ihdad* atau *iddah* kematian suami diperuntukkan secara spesifik da hanya cuti ihsan sahaja diperuntukkan di Selangor, Kelantan dan Terengganu walaupun opsyen cuti *iddah* kematian suami diberikan namun ianya dilihat masih tidak memenuhi tujuan sebenar tuntutan *ihdad*. Namun inisiatif ketiga-tiga negeri ini wajar dipuji. Kajian merumuskan bahawa perlunya suatu undang-undang yang jelas berkaitan *ihdad* supaya dapat menjadi solusi kepada polemik wanita Islam bekerjaya yang kematian suami. Dicadangkan juga supaya model-model undang-undang berkaitan *ihdad* di negara lain dapat dikaji keboleh pakaiannya dan kesesuaiannya untuk diaplikasikan dalam negara.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada Skim Geran Penyelidikan Fundamental bertajuk “Pembinaan Model Sokongan Ihdad Bagi Wanita Islam Bekerjaya di Malaysia”, kod rujukan FRGS/1/2023/SS02/KUIS/03/1 yang dianugerahkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi dan diuruskan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (RIMC) Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000, Kajang, Selangor Darul Ehsan.

RUJUKAN

Al-Bakri, Z. M. (2023, Julai 12) Bayan Linnas Siri Ke-268: Panduan Idah Dan Ihdad Serta Hukum Berhias Diri Ketika Dalam Idah.
<https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/5691-ngbayan-linnas-siri-ke-268-panduan-idah-dan-ihdad-serta-hukum-berhias-diri-ketika-dalam-idah>

Al-Bakri, Z. M. (2023, Julai 12) Bayan Linnas Siri Ke-268: Panduan Idah Dan Ihdad Serta Hukum Berhias Diri Ketika Dalam Idah.
<https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/5691-ngbayan-linnas-siri-ke-268-panduan-idah-dan-ihdad-serta-hukum-berhias-diri-ketika-dalam-idah>

Al-Bakri, Z. M. (2022, Jun 8) Al-Kafi #1877: Hukum Berhias Bagi Wanita Yang Bekerja Ketika Dalam Iddah Kematian Suami.
<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/5284-al-kafi-1877-hukum-berhias-bagi-wanita-yang-bekerja-ketika-dalam-iddah-kematian-suami>

Al-Bakri, Z. M. (2017, Mei 11). Suami Hilang Pulang Selepas 6 bulan.
<https://muftiwp.gov.my/ar/artikel/irsyad-hukum/irsyad-fatwa-umum/864-irsyad-al-fatwa-siri-ke-suami-hilang-pulang-selepas-6-bulan>

Al-Bakri, Z. M. (2016, Disember 6). Hukum bagi Perempuan Yang Kematian Suami dan Masih dalam Iddah Menunaikan Umrah.
<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/irsyad-fatwa-umum/1394-irsyad-al-fatwa-ke-154-hukum-bagi-perempuan-yang-kematian-suami-dan-masih-di-dalam-iddah-menunaikan-umrah>

Akta Kerja 1955

Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022)

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994)

Federal Decree Law No. 11 of 2008 on Human Resources in The Federal Government of UAE.

Federal Decree Law No. 33 of 2021 on the Regulation of Labour Relations in the Private Sector
'The UAE Labour Law'.

JAKIM (2015, Disember 2). Garis Panduan Beriddah Bagi Wanita Yang Bercerai atau Kematian Suami.

<https://www.islam.gov.my/ms/garis-panduan/479-garis-panduan-ber-iddah-bagi-wanita-yang-bercerai-atau-kematian-suami>. 27 Julai 2021.

Kamaruddin, N., Dimon, Z. D., Salleh, M., & Mansor, N. . (2021). Kesedaran Hukum Berkaitan Ihdad Dalam Kalangan Wanita Islam Bekerjaya Di Selangor : Legal Awareness Related to Ihdad Among Working Muslim Women in Selangor. E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi, 8(2), 149–170.

Labor Law, Royal Decree No. M/51 of Kingdom of Saudi Arabia. September 27, 2005.

Law No. (15) of 2016 Promulgating the Civil Human Resources Law, State of Qatar.

Law No. 36 of 2012 Promulgating The Labour Law For The Private Sector, Kingdom of Bahrain.

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2002

Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian S.R. 4.1.2 berkaitan Dasar Bekerja Dari Rumah

Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Bilangan 5 Tahun 2013

Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2009

Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu Bilangan 5 Tahun 2019

Royal Decree No. 35/2003 Issuing The Labour Law, Sultanate of Oman.

Salleh, M., Kamarudin, N., Dimon, Z. & Mansor, N. (2022). Analisis Permasalahan Wanita Berihdad Berkaitan Urusan Kerja Sepanjang Tempoh Berihdad. Prosiding 6 th Muzakarah Fiqh & International Conference. 13th & 14th December 2022. M.S 350-358.

State of Kuwait New Labour Law No 6 of 2010. 21 Feb 2010

Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 512010 Negara Brunei Darussalam,